



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)
No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PERATURAN PERGERAKAN WANITA UMNO

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

KANDUNGAN

FASAL 1	Darihal Peraturan Ini
FASAL 2	Nama
FASAL 3	Tujuan-tujuan
FASAL 4	Keahlian Wanita
FASAL 5	Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia
FASAL 6	Mesyuarat Jawatankuasa
FASAL 7	Tugas-tugas Dan Tanggungjawab
FASAL 8	Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Malaysia
FASAL 9	Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia
FASAL 10	Perhimpunan Agung Khas Wanita UMNO Malaysia
FASAL 11	Badan Perhubungan Wanita UMNO
FASAL 12	Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian
FASAL 13	Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Bahagian
FASAL 14	Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian
FASAL 15	Mesyuarat Perwakilan Khas Wanita UMNO Bahagian
FASAL 16	Penubuhan Wanita UMNO Bahagian
FASAL 17	Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan
FASAL 18	Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Cawangan
FASAL 19	Persidangan Wanita UMNO Cawangan
FASAL 20	Persidangan Khas Wanita UMNO Cawangan
FASAL 21	Kewangan Dan Harta
FASAL 22	Kesempurnaan Peraturan Ini
FASAL 23	Tafsiran
FASAL 24	Peraturan-Peraturan Mesyuarat
FASAL 25	Tarikh Dijalankan Peraturan Ini

FASAL 1 DARIHAL PERATURAN INI

Menurut Fasal 21 Perlembagaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bahawa Majlis Tertinggi UMNO berkuasa membuat Peraturan ini yang dinamakan “Peraturan Pergerakan Wanita UMNO”.

FASAL 2 NAMA

Pergerakan ini adalah dinamakan “Pergerakan Wanita UMNO”, ringkasnya “Wanita UMNO”.

FASAL 3 TUJUAN-TUJUAN

Tujuan-tujuan Wanita UMNO ialah :-

- 3.1 Menggalakkan Ahli-ahlinya mengambil bahagian aktif dalam lapangan agama, politik, pendidikan khasnya urusan rumah-tangga, undang-undang khasnya mengenai hak-hak wanita, kebudayaan, sukan dan kebajikan masyarakat.
- 3.2 Menganjurkan dan mengadakan latihan kepimpinan dan lain-lain latihan bagi mencapai tujuan-tujuan di atas.
- 3.3 Bekerjasama dengan badan-badan lain yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi UMNO.

FASAL 4 KEAHLIAN WANITA

- 4.1 Pergerakan Wanita adalah terbuka kepada wanita-wanita yang menjadi Ahli Biasa UMNO.
- 4.2 Seseorang Ahli Wanita akan menjadi Ahli Wanita di dalam Cawangan UMNO dimana ia berdaftar menjadi Ahli Biasa UMNO.
- 4.3 Seseorang Ahli Wanita tidak boleh menjadi Ahli Wanita lebih dari satu Cawangan.
- 4.4 Seseorang tidak lagi menjadi Ahli Wanita dengan berhentinya ia daripada menjadi ahli UMNO.

FASAL 5 JAWATANKUASA WANITA UMNO MALAYSIA

- 5.1 Sesebuah Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut:-
 - 5.1.1 Ketua
 - 5.1.2 Naib Ketua
 - 5.1.3 Setiausaha Agung
 - 5.1.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 5.1.5 Penolong Bendahari (Wanita)
 - 5.1.6 Ketua Penerangan (Wanita)
 - 5.1.7 Tidak lebih dari 20 orang Ahli Jawatankuasa Wanita yang

dipilih oleh Perhimpunan Agung Wanita UMNO.

- 5.1.8 Tidak lebih dari 5 orang Ahli Wanita yang dilantik oleh Ketua Wanita UMNO.
- 5.2 Ketua Wanita hendaklah dipilih oleh Perhimpunan Agung Wanita tiap-tiap tiga tahun sekali dan akan menjadi Naib Presiden UMNO Malaysia menurut Perlembagaan UMNO Fasal 9.2.3 dan 9.4.
- 5.3 Naib Ketua Wanita dan dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah dipilih oleh Perhimpunan Agung Wanita tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 5.4 Setiausaha Agung UMNO dengan sendirinya menjadi Setiausaha Wanita UMNO.
- 5.5 Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita), dan Ketua Penerangan (Wanita) dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa (Wanita) boleh dilantik oleh Ketua Wanita dan disahkan oleh Presiden dan akan memegang jawatan selama tiga (3) tahun kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Ketua.
- 5.6 Calon-calon yang bertanding untuk memegang sebarang jawatan Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya:-
- | | |
|------------------------------|-------|
| (a) Ketua Wanita | - 20% |
| (b) Naib Ketua Wanita | - 15% |
| (c) Ahli Jawatankuasa Wanita | - 5% |
- dari jumlah Bahagian yang sah mengikut Fasal 14.3.5 Peraturan ini.
- 5.7 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita berhenti maka Jawatankuasa itu dianggap telah bubar dan Majlis Tertinggi bolehlah mengadakan Perhimpunan Agung Khas Wanita UMNO Malaysia bagi menubuhkan semula Jawatankuasa Wanita UMNO dan Majlis Tertinggi berkuasa menentukan tempoh perkhidmatan Jawatankuasa yang baru dipilih itu.
- 5.8 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Wanita tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik menurut Fasal 5.1.4, 5.1.5, 5.1.6 dan 5.1.8 Peraturan ini yang mana Ketua Wanita UMNO Malaysia berkuasa melantik gantinya.
- 5.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia ialah:
- 5.9.1 Ketua
- 5.9.2 Naib Ketua
- 5.9.3 Setiausaha Agung
- 5.9.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
- 5.9.5 Penolong Bendahari (Wanita)

5.9.6 Ketua Penerangan (Wanita)

5.10 Tugas-tugas pegawai dalam Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia ialah :-

5.10.1 Ketua :-

- 5.10.1.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
- 5.10.1.2 Menjadi pemimpin utama kepada Wanita UMNO dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan.
- 5.10.1.3 Melantik Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita), Ketua Penerangan (Wanita) dan Ketua Wanita Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 5.10.1.4 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.
- 5.10.1.5 Melantik lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Wanita Malaysia mengikut Fasal 5.1.8. peraturan ini.

5.10.2 Naib Ketua:-

- 5.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
- 5.10.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia apabila Ketua Wanita tidak hadir.

5.10.3 Setiausaha Agung :-

Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Wanita UMNO yang dirujuk oleh Penolong Setiausaha (Wanita).

5.10.4 Penolong Setiausaha (Wanita):-

- 5.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Wanita dan Setiausaha Agung UMNO Malaysia.
- 5.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Wanita serta menyelaras dengan Wanita UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Wanita serta menyelaras dengan Wanita Negeri dan Wanita UMNO Bahagian.
- 5.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa setahun yang lalu.

5.10.5 Penolong Bendahari (Wanita) :-

- 5.10.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Wanita UMNO Malaysia.

5.10.5.2 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.

5.10.6 Ketua Penerangan (Wanita):-

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Wanita UMNO Malaysia dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.

FASAL 6 MESYUARAT JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia hendaklah bersidang sekurang-kurangnya 2 bulan sekali atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Ketua.
- 6.2 Satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa itu adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa.
- 6.3 Sebarang mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Naib Ketua Wanita UMNO Malaysia dan sekiranya mereka tidak hadir bolehlah mesyuarat memilih salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa yang hadir menjadi Pengerusi.

FASAL 7 TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia ialah :-

- 7.1 Berikhtiar dan berusaha melaksanakan tujuan-tujuan yang terkandung dalam Fasal 3 Peraturan ini.
- 7.2 Menjalankan arahan-arahan daripada Majlis Tertinggi.
- 7.3 Berikhtiar dan berusaha mencari derma-derma untuk kemajuan Wanita UMNO dengan persetujuan Majlis Tertinggi atau Presiden UMNO.

FASAL 8 PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO MALAYSIA

Pejabat Setiausaha Agung UMNO Malaysia adalah juga Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Malaysia.

FASAL 9 PERHIMPUNAN AGUNG WANITA UMNO MALAYSIA

- 9.1 Perhimpunan Agung Tahunan Wanita UMNO Malaysia hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dari Perhimpunan Agung UMNO Malaysia.
- 9.2 Sebarang Perhimpunan Agung Wanita UMNO hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut:-

- 9.2.1 Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita.
- 9.2.2 Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia.
- 9.2.3 Ketua dan Naib Ketua Wanita Bahagian-bahagian yang telah mengadakan Perwakilannya. Jika mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia, maka bolehlah melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagiannya.
- 9.2.4 Dua (2) orang wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan dari dari tiap-tiap Bahagian Wanita Bahagiannya.
- 9.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil Majlis Tertinggi.
- 9.3 Semua Ahli-ahli Perwakilan Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia di bawah Fasal 9.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah dari Ketua atau Setiausaha Wanita UMNO Bahagian masing-masing.
- 9.4 Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia hendaklah memilih:-
 - 9.4.1 Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita.
 - 9.4.2 Seorang Ketua Wanita mengikut Fasal 5.2 Peraturan ini.
 - 9.4.3 Naib Ketua dan Jawatankuasa Wanita mengikut Fasal 5.3 Peraturan ini.
 - 9.4.4 10 orang wakil ke Perhimpunan Agung UMNO Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan oleh Fasal 8.4.5 Perlembagaan UMNO.
- 9.5 Semua keputusan Perhimpunan Agung Wanita hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Tertinggi.
- 9.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia hendaklah dipilih pada tiap-tiap tahun sekali dalam Perhimpunan Tahunannya dari kalangan Ahli Wanita UMNO. Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap ini hendaklah menjadi Pengerusi di dalam sebarang Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia maka berkuasalah Perhimpunan itu mengangkat seorang daripada Ahli-ahli Perwakilan yang hadir menjadi Pengerusi bagi Perhimpunan itu sahaja.

FASAL 10 PERHIMPUNAN AGUNG KHAS WANITA UMNO MALAYSIA

- 10.1 Perhimpunan Agung Khas Wanita UMNO Malaysia yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia bolehlah diadakan pada bila-

bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut:-

- 10.1.1 Dengan kehendak Majlis Tertinggi.
- 10.1.2 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia dan dengan kebenaran Majlis Tertinggi.
- 10.1.3 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Bahagian-bahagian Wanita dengan syarat Bahagian-bahagian Wanita itu telah mengadakan mesyuarat Perwakilan Khas atas masalah yang sama.

FASAL 11 BADAN PERHUBUNGAN WANITA UMNO

- 11.1 Badan Perhubungan Wanita UMNO bolehlah ditubuhkan di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai lebih dari satu Bahagian Wanita UMNO dengan mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang tertentu untuk mentadbirkan perjalanan Bahagian-bahagian Wanita UMNO yang ada di dalam sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 11.2 Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah terdiri daripada:-
 - 11.2.1 Ketua
 - 11.2.2 Naib Ketua
 - 11.2.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO
 - 11.2.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 11.2.5 Penolong Bendahari (Wanita)
 - 11.2.6 Ketua Penerangan (Wanita)
 - 11.2.7 Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian berhak mengambil tempat Ketua Wanita di Mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan jika Ketua Wanita Bahagian tidak dapat hadir.
- 11.3 Ketua dan Naib Ketua hendaklah dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Malaysia, selepas pemilih Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia atau pemilihan mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.
- 11.4 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO adalah dengan sendirinya menjadi Setiausaha Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.5 Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita) hendaklah dilantik oleh Ketua Badan Perhubungan Wanita UMNO dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga dilantik Badan Perhubungan Wanita UMNO yang baru atau mereka meminta berhenti atau diberhentikan dengan apa jua sebab sekalipun oleh Ketua dan mereka boleh digantikan oleh Ketua itu.

- 11.6 Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa 2 bulan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketuanya atau Ketua Wanita UMNO Malaysia ataupun dengan permintaan bersurat dari atu pertiga daripada bilangan Ahli-ahlinya.
- 11.7 Satu perdua daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan mesyuarat.
- 11.8 Sebarang mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Naib Ketuanya dan sekiranya mereka tidak hadir maka bolehlah Ahli-ahli yang hadir memilih salah seorang Ahli Jawatankuasa menjadi Pengerusi.
- 11.9 Pegawai-pegawai Badan Perhubungan Wanita UMNO ialah:-
 - 11.9.1 Ketua
 - 11.9.2 Naib Ketua
 - 11.9.3 Setiausaha Badan Perhubungan UMNO
 - 11.9.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 11.9.5 Penolong Bendahari (Wanita)
 - 11.9.6 Ketua Penerangan (Wanita)
- 11.10 Tugas-tugas pegawai dalam Badan Perhubungan Wanita UMNO:-
 - 11.10.1 Ketua :-
 - 11.10.1.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO.
 - 11.10.1.2 Melantik Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita).
 - 11.10.1.3 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.
 - 11.10.1.4 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO mengikut Fasal 12.2.7 Perlembagaan UMNO.
 - 11.10.2 Naib Ketua :-
 - 11.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
 - 11.10.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO apabila Ketua tidak hadir.
 - 11.10.2.3 Menjadi wakil ke Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO.
 - 11.10.3 Setiausaha Badan Perhubungan:-
 - 11.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Badan Perhubungan Wanita UMNO yang dirujukkan oleh

- Penolong Setiausaha Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.10.3.2 Menyelia kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.10.4 Penolong Setiausaha (Wanita):-
- 11.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO.
- 11.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.10.4.3 Memanggil mesyuarat Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.10.5 Penolong Bendahari (Wanita) :-
Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.10.6 Ketua Penerangan (Wanita) :-
Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Badan Perhubungan Wanita UMNO dan melaporkannya kepada badan Badan Perhubungan Wanita UMNO.
- 11.11 Tugas-tugas dan tanggungjawab Badan Perhubungan Wanita UMNO ialah :-
- 11.11.1 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dan mengatur serta menyesuaikan perjalanan Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan Wanita UMNO dalam sesebuah negeri itu.
- 11.11.2 Menjadi badan perantaraan di antara Wanita UMNO Malaysia dengan Wanita Bahagian atas perkara-perkara yang ditugaskan kepadanya.
- 11.11.3 Mencari sumber-sumber kewangan untuk kemajuan Wanita dengan perseyujuan Badan Perhubungan UMNO.
- 11.11.4 Menyampaikan dan menjalankan arahan-arahan yang diterima daripada Wanita UMNO Malaysia dan Badan Perhubungan UMNO kepada Bahagian-bahagian Wanita UMNO dalam Negeri itu.
- 11.11.5 Bekerjasama dengan Badan Perhubungan UMNO dalam serba lapangan yang dikehendaki.
- 11.12 Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan UMNO adalah menjadi Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan Wanita UMNO.

FASAL 12 JAWATANKUASA WANITA UMNO BAHAGIAN

- 12.1 Wanita UMNO Bahagian boleh ditubuhkan oleh Jawatankuasa

UMNO Bahagian di tiap-tiap Bahagian.

- 12.2 Tugas dan tanggungjawab sesebuah Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian itu adalah tertakluk di bawah Perlembagaan UMNO dan Peraturan ini.
- 12.3 Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian hendaklah diadakan dengan mengandungi Ahli-ahli seperti berikut :-
 - 12.3.1 Ketua
 - 12.3.2 Naib Ketua
 - 12.3.3 Setiausaha UMNO Bahagian
 - 12.3.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 12.3.5 Penolong Bendahari (Wanita)
 - 12.3.6 Ketua Penerangan (Wanita)
 - 12.3.7 Tidak lebih dari lima belas (15) orang ahli jawatankuasa Wanita yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.
 - 12.3.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Wanita yang dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Bahagian.
- 12.4 Ketua, Naib Ketua dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 12.5 Setiausaha UMNO Bahagian adalah dengan sendirinya menjadi Setiausaha Wanita UMNO Bahagian.
- 12.6 Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita), Ketua Penerangan (Wanita) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita hendaklah dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Bahagian dan akan memegang jawatan itu selama tempoh jawatankuasa Bahagian yang berkenaan selama tempoh jawatankuasa Bahagian yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Wanita Bahagian.
- 12.7 Calon-calon yang bertanding bagi memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya:-
 - (a) Ketua - 15%
 - (b) Naib Ketua - 10%
 - (c) Ahli Jawatankuasa - 2 cawangan
- 12.8 Jika Ketua Wanita UMNO Bahagian berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian menurut Fasal 14.3.2 Peraturan ini.
- 12.9 Pegawai-pegawai Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian ialah:
 - 12.9.1 Ketua

- 12.9.2 Naib Ketua
- 12.9.3 Setiausaha UMNO Bahagian
- 12.9.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
- 12.9.5 Penolong Bendahari (Wanita)
- 12.9.6 Ketua Penerangan (Wanita)
- 12.10 Tugas-tugas pegawai dalam Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
 - 12.10.1 Ketua:-
 - 12.10.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Bahagian.
 - 12.10.1.2 Melantik Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 12.10.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Mengikut Fasal 12.3.8 Peraturan.
 - 12.10.1.4 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
 - 12.10.2 Naib Ketua:-
 - 12.10.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua
 - 12.10.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian apabila Ketua tidak hadir.
 - 12.10.3 Setiausaha UMNO Bahagian:-
 - 12.10.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Wanita UMNO Bahagian yang dirujuk oleh Penolong Setiausaha (Wanita) UMNO Bahagian.
 - 12.10.3.2 Menyelia kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Mengikut Fasal 12.3.8. Peraturan.
 - 12.10.4 Penolong Setiausaha (Wanita):-
 - 12.10.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua UMNO Bahagian dan Setiausaha UMNO Bahagian.
 - 12.10.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
 - 12.10.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan Peringatan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian.
 - 12.10.5 Penolong Bendahari (Wanita):-
 - Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat perjalanan kewangan Wanita UMNO Bahagian.
 - 12.10.6 Ketua Penerangan (Wanita):-

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Wanita UMNO Bahagian.

- 12.11 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa meletakkan jawatan mereka maka Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Khas Wanita UMNO Bahagian untuk memilih Jawatankuasa Wanita yang baru dan Jawatankuasa UMNO Bahagian bolehlah menentukan tempoh perkhidmatannya.
- 12.12 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian tidak lagi memegang jawatannya atas apa-apa juga sebab sekalipun maka Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian tidak berkuasa melantik gantinya kecuali Ahli yang dilantik di mana Ketua Wanita UMNO Bahagian berkuasa melantik gantinya.

FASAL 13 PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO BAHAGIAN

Pejabat Setiausaha UMNO Bahagian adalah juga menjadi Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Bahagian.

FASAL 14 MESYUARAT PERWAKILAN WANITA UMNO BAHAGIAN

- 14.1 Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah diadakan setahun sekali dan lebih dahulu daripada Mesyuarat Perwakilan Tahunan UMNO Bahagian.
- 14.2 Sebarang Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang berikut:-
 - 14.2.1 Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap.
 - 14.2.2 Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian.
 - 14.2.3 Ketua-ketua Wanita Cawangan. Sekiranya ia menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian, maka bolehlah ia melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Wanita Cawangan.
 - 14.2.4 Dua (2) orang wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Persidangan Wanita UMNO Cawangan dalam Bahagian, mana-mana wakil yang tidak boleh melantik gantinya.
 - 14.2.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil daripada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.3 Tugas-tugas Mesyuarat Perwakilan Wanita Bahagian ialah:-
 - 14.3.1 Memilih Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita.
 - 14.3.2 Tertakluk kepada Fasal 12.4 Peraturan ini, memilih Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.1, 12.3.2 dan 12.3.7 Peraturan ini.

- 14.3.3 Memilih sepuluh (10) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian, menurut Fasal 14.4.6 Perlembagaan UMNO.
- 14.3.4 Memilih dua (2) orang wakil ke Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia menurut Fasal 9.2.4 Peraturan ini.
- 14.3.5 Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia mengikut Fasal 5.1.1, 5.1.2 dan 5.1.7 dan Pengerusi Tetap Wanita mengikut Fasal 9.6 Peraturan ini.
- 14.4 Semua Ahli-ahli Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian di bawah Fasal 14.2.4 Peraturan ini hendaklah membawa surat tauliah daripada Ketua atau Setiausaha Cawangan Wanita UMNO masing-masing.
- 14.5 Semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa dan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Bahagian.
- 14.6 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali di dalam Mesyuarat Perwakilan Tahunannya daripada Ahli Wanita UMNO. Pengerusi Tetap Wanita atau Timbalan Pengerusi Tetap Wanita hendaklah mempengerusikan sebarang mesyuarat melainkan jika mereka tidak dapat hadir atau meminta berhenti atau diberhentikan oleh Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian maka berkuasalah Mesyuarat Perwakilan memilih seorang daripada Ahli-ahli yang hadir menjadi Pengerusi Mesyuarat Perwakilan itu sahaja.

FASAL 15 MESYUARAT PERWAKILAN KHAS WANITA UMNO BAHAGIAN

- 15.1 Perwakilan Khas Wanita UMNO Bahagian yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut:-
 - 15.1.1 Perwakilan Khas Wanita UMNO Bahagian yang mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Bahagian.
 - 15.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Bahagian dan dengan persetujuan Wanita UMNO Malaysia.

FASAL 16 PENUBUHAN WANITA UMNO CAWANGAN

- 16.1 Wanita UMNO Cawangan bolehlah ditubuhkan oleh Jawatankuasa UMNO Cawangan di tiap-tiap UMNO Cawangan di mana Ahli Wanita adalah sekurang-kurangnya 15 orang.

- 16.2 Sesebuah Cawangan Wanita UMNO Cawangan dengan mengandungi ahli-ahli sebagaimana di bawah ini.

FASAL 17 JAWATANKUASA WANITA UMNO CAWANGAN

- 17.1 Hendaklah diadakan sebuah Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan dengan mengandungi ahli-ahli sebagaimana di bawah ini:-
 - 17.1.1 Ketua
 - 17.1.2 Naib Ketua
 - 17.1.3 Setiausaha UMNO Cawangan
 - 17.1.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 17.1.5 Penolong Bendahari (Wanita)
 - 17.1.6 Ketua Penerangan (Wanita)
 - 17.1.7 Tidak lebih dari tujuh (7) orang Ahli Wanita UMNO yang dilantik oleh Ketua Wanita yang dipilih oleh oleh Persidangan Wanita UMNO Cawangan.
 - 17.1.8 Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO yang dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Cawangan.
- 17.2 Ketua, Naib Ketua dan tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Wanita hendaklah dipilih di dalam Persidangan Wanita UMNO Cawangan tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.
- 17.3 Setiausaha UMNO Cawangan adalah dengan sendirinya menjadi Setiausaha Wanita UMNO Cawangan.
- 17.4 Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita), Ketua Penerangan (Wanita) dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita hendaklah dilantik oleh Ketua Wanita UMNO Cawangan dan akan memegang jawatan itu selama tempoh Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Wanita Cawangan.
- 17.5 Jika Ketua Wanita UMNO Cawangan berhenti atau diberhentikan maka Naib Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Persidangan Wanita UMNO Cawangan.
- 17.6 Pegawai-pegawai Wanita UMNO Cawangan ialah:-
 - 17.6.1 Ketua
 - 17.6.2 Naib Ketua
 - 17.6.3 Setiausaha UMNO Cawangan
 - 17.6.4 Penolong Setiausaha (Wanita)
 - 17.6.5 Penolong Bendahari (Wanita)

17.6.6 Ketua Penerangan (Wanita)

17.7 Tugas-tugas pegawai Wanita UMNO Cawangan:-

17.7.1 Ketua:-

- 17.7.1.1 Membantu tugas-tugas Ketua UMNO Cawangan.
- 17.7.1.2 Melantik Penolong Setiausaha (Wanita), Penolong Bendahari (Wanita) dan Ketua Penerangan (Wanita).
- 17.7.1.3 Melantik tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan mengikut Fasal 17.1.8 Peraturan ini.
- 17.7.1.4 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

17.7.2 Naib Ketua:-

- 17.7.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua.
- 17.7.2.2 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan apabila Ketua tidak hadir.

17.7.3 Setiausaha UMNO cawangan :-

- 17.7.3.1 Menerima maklum dan memberi garis panduan mengenai perjalanan Wanita UMNO Cawangan yang dirujuk kepada oleh Penolong Setiausaha (Wanita) UMNO Cawangan.
- 17.7.3.2 Menyelia kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

17.7.4 Penolong Setiausaha (Wanita)

- 17.7.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Wanita UMNO Cawangan dan Setiausaha UMNO Cawangan.
- 17.7.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.
- 17.7.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan dan peringatan Persidangan Wanita UMNO Cawangan.

17.7.5 Penolong Bendahari (Wanita) :-

Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Wanita UMNO Cawangan.

17.7.6 Ketua Penerangan (Wanita) :-

Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan Wanita UMNO Cawangan dan

melaporkannya kepada Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.

- 17.8 Jika dua pertiga atau lebih bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan boleh mengadakan Persidangan Khas Wanita UMNO Cawangan untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Cawangan itu dan Jawatankuasa UMNO Cawangan akan menentukan tempoh perkhidmatannya.
- 17.9 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan tiada lagi memegang jawatannya atas apa-apa sebab sekalipun maka jawatan itu tidak boleh diganti kecuali Ahli yang dilantik yang mana Ketua Wanita UMNO Cawangan berkuasa melantik gantinya.

FASAL 18 PEJABAT SETIAUSAHA WANITA UMNO CAWANGAN

Pejabat Setiausaha UMNO Cawangan adalah juga menjadi Pejabat Setiausaha Wanita UMNO Cawangan.

FASAL 19 PERSIDANGAN WANITA UMNO CAWANGAN

- 19.1 Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah diadakan berasingan dan terdahulu daripada Persidangan UMNO Cawangan dan penetapan tarikh Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah dibuat oleh Wanita UMNO Bahagian setelah dirujuk kepada UMNO Cawangan dan Bahagian.
- 19.2 Sebarang Persidangan Wanita UMNO Bahagian setelah dirujuk kepada UMNO Cawangan dan Bahagian.
 - 19.2.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
 - 19.2.2 Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan.
 - 19.2.3 Ahli-ahli Wanita UMNO Cawangan yang telah menjelaskan yuran tahun itu mengikut Fasal 25.1 dan 25.2 Perlembagaan UMNO.
 - 19.2.4 Tidak lebih dari dua orang wakil daripada Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 19.3 Cukup bilang (kuorum) Persidangan Wanita UMNO Cawangan adalah sekurang-kurangnya sembilan (9) orang Ahli Pergerakan Wanita yang telah menjelaskan yuran.
- 19.4 Tugas-tugas Persidangan Wanita UMNO Cawangan:-
 - 19.4.1 Memilih Pengerusi Tetap Wanita dan Timbalan Pengerusi Tetap Wanita.
 - 19.4.2 Tertakluk kepada Fasal 17.2 memilih Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan sebagaimana Fasal 17.1.1, 17.1.2 dan 17.7.7 Peraturan ini.
 - 19.4.3 Memilih dua (2) orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan

Wanita UMNO Bahagian sebagaimana Fasal 14.2.4 Peraturan ini.

- 19.4.4 Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian mengikut Fasal 12.3.1, 12.3.2 dan 12.3.7 dan Pengerusi Tetap mengikut Fasal 14.6 Peraturan ini.
- 19.4.5 Tertakluk kepada Fasal 9.2.4 Peraturan ini, mencadangkan dua (2) orang wakil Wanita UMNO Bahagian ke Perhimpunan Agung Wanita UMNO Malaysia.
- 19.5 Semua keputusan Persidangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa UMNO Cawangan.
- 19.6 Sebarang Persidangan Wanita UMNO Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap yang dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali oleh Persidangan itu dari Ahli-ahli Wanita UMNO atau Pengerusi Tetap UMNO Cawangan dan sekiranya ia tidak hadir bolehlah Persidangan itu memilih daripada ahli-ahli Persidangan itu memilih daripada ahli-ahli Persidangan yang hadir menjadi Pengerusi.
- 19.7 Ahli-ahli Wanita yang tidak menjelaskan yuran bagi tahun-tahun yang lalu mengikut Fasal 25.1 dan 25.2 Perlembagaan UMNO hilanglah haknya mengikut Fasal 6.2 Perlembagaan UMNO tetapi bolehlah menghadiri Persidangan Wanita UMNO Cawangan dengan syarat dia tidak boleh mengundi atau apa-apa usul serta tidak boleh dilantik memegang apa-apa jawatan jua pun.
- 19.8 Ahli-ahli Wanita yang baru didaftarkan sebagai Ahli-ahli Biasa UMNO selepas ditutup tarikh pembayaran yuran tidak berhak mengambil bahagian dalam Persidangan Wanita UMNO Cawangan mengikut Fasal 6.2. Perlembagaan UMNO tahun berkenaan tetapi boleh hadir sebagai pemerhati.

FASAL 20 PERSIDANGAN KHAS WANITA UMNO CAWANGAN

- 20.1 Persidangan Khas Wanita UMNO Cawangan yang mempunyai cara persidangan yang sama dengan Persidangan Wanita UMNO Cawangan bolehlah diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat yang berikut :-
 - 20.1.1 Dengan permintaan bertulis dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Cawangan dan dengan kelulusan Jawatankuasa UMNO Cawangan.
 - 20.1.2 Dengan kehendak Jawatankuasa UMNO Cawangan dan dengan persetujuan Wanita UMNO Bahagian.

FASAL 21 KEWANGAN DAN HARTA

- 21.1 Peraturan Kewangan UMNO hendaklah dipakai sebagai Peraturan Kewangan Wanita UMNO.
- 21.2 Tiap-tiap hak tak alih, iaitu tanah dan bangunan kepunyaan Wanita UMNO, hendaklah didaftarkan di atas nama UMNO pada peringkat yang berkenaan.
- 21.3 Tiap-tiap alih kepunyaan Wanita UMNO hendaklah didaftarkan mengikut Perlembagaan UMNO.

FASAL 22 KESEMPURNAAN PERTURAN INI

Bagi kesempurnaan Peraturan ini dan perjalanan serta pentadbiran Wanita UMNO dalam semua peringkatnya maka sebarang perkara yang tidak tersebut di dalam Peraturan ini hendaklah dijalankan dengan berpandu kepada Perlembagaan UMNO.

FASAL 23 TAFSIRAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Peraturan ini maka hendaklah perkara ini dirujuk kepada Majlis Tertinggi UMNO dan tafsiran yang diberikannya adalah muktamad.

FASAL 24 PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT

Aturan Peraturan UMNO hendaklah dipakai dalam semua peringkat mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO.

FASAL 25 TARIKH DIJALANKAN PERTUKARAN INI

- 25.1 Peraturan ini dipersetujukan dengan pindaan Majlis Tertinggi dan akan berkuatkuasanya pada 10 Februari, 2001.
- 25.2 Peraturan ini hanya diakui sah dan berkuatkuasa setelah dipersetujukan oleh Malis Tertinggi sebagaimana kuatkuasa yang ada padanya menurut Perlembagaan UMNO Fasal 21.